



GAMBARAN artis kereta api Transit Pantas Massa. - GAMBAR HIASAN

Pembekal kereta api MRT diumumkan 16 September

KUALA LUMPUR 6 Sept. - Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) dijangka mengumumkan pemenang tender bagi membekalkan kereta api untuk laluan Transit Pantas Massa (MRT) Sg Buloh-Kajang (SBK) sebelum 16 September ini.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam MRT Corp, Amir Mahmood Razak berkata, tender yang bernilai RM1.6 bilion itu merupakan salah satu kontrak bernilai tinggi di dalam pembinaan pengangkutan awam terbesar negara itu.

Tiga syarikat asing akhir yang telah membida kontrak itu adalah, Changchun Railways Vehicle Co. Ltd. dan CSR Zhuzhou Electric Locomotive Co. Ltd. dari China, serta Siemens SMH Rail Consortium dari Jerman.

"Ia akan diumumkan sebelum atau pada tarikh itu. Memang diakui, pengumuman ini amat dinanti-nanti oleh semua pihak," kata beliau kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Hari Raya Aidil

Fitri MRT Corp di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu adalah Pengerusi MRT Corp, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan dan Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid.

Kata Amir lagi, syarikatnya akan turut mengumumkan penerima tender Pakej Viaduct 8 (V8) (laluan dari Taman Mesra ke Kajang) semasa pengumuman pemenang bagi membekalkan kereta api.

"Dengan pengumuman ini, boleh dikatakan kesemua tender yang bernilai tinggi telah diumumkan," kata beliau lagi.

Tambahnya, sekalipun beberapa tender akan dimenangi oleh pembida asing, syarikat luar itu akan melalui program keseimbangan yang mana ia harus mendedahkan kepakaran kepada syarikat tempatan dalam kerja-kerja yang dilakukan atau membawa syarikat tempatan ke pasaran negara asal syarikat asing terbabit.